

Zahid dilepas tanpa dibebas

'Saya tidak beri sebarang arahan'

Anwar tahu kesan keputusan dibuat AGC, akur dengan penjelasan bekas Peguam negara

Oleh Fahmy A Rosli
fahm.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak memberi sebarang arahan kepada bekas Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun untuk campur tangan dalam keputusan untuk melepas tanpa membebaskan (DNAA) Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi daripada 47 pertuduhan.

Selaku Perdana Menteri, beliau tahu kesan daripada keputusan yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) terhadap kestabilan politik dan negara, tetapi akur dengan penjelasan Idrus yang tidak mahu melepaskan tanggungjawabnya dalam menguruskan kes itu kepada penggantian.

"Saya nak jelaskan, tak ada arahan kepada Peguam Negara (ketika itu), (Tan Sri) Idrus (Harus). Dia terlibat dalam mene-

ruskan pendakwaan. Kemudian dia baca dokumen bocor yang ditulis oleh AGC yang menyatakan tak bersetuju dengan pendakwaan.

"Beberapa fakta baharu (setebal) 200 halaman dikemukakan. Tentunya saya sebagai Perdana Menteri tahun kesan dari tuduhan yang dilemparkan.

"Malah, saya terpaksa tanya panjang kepada Peguam Negara kenapa keputusannya begitu, kenapa sekarang," katanya ketika ditemui pemberta selepas selesai menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Sri Petaling, dekat sini, semalam.

Isnin lalu, Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri dilepas tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana milik Yayasan Akalbudi.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Mohd Dusuki Mokhtar yang memaklumkan bahawa Jabatan Peguam Negara ingin memberhentikan semua prosiding terhadap Ahmad Zahid pada peringkat itu.

Menjelaskan lagi tohmahan yang dilempar kepadanya dan Kerajaan Perpaduan susulan ke-

putusan mahkamah itu, Anwar berkata, jika beliau mempunyai pilihan atau kuasa, beliau lebih gemar menangguhkan keputusan itu, terutama selepas pilihan raya kecil di Pulau dan Simpang Jeram hari ini dan Pelangai bulan depan.

Selesai kes sebelum bersara

Tetapi menurut Anwar, Idrus berkeras mahu menyelesaikan kes itu sebelum beliau bercuti dan bersara.

"Dia (Idrus) tak mahu lepaskan tanggungjawab yang dia uruskan kepada yang lain. Tetapi kalau tanya saya, saya ada kuasa. Saya nak tangguh. Sebab apa? Sebab saya nak lepaskan semua (untuk) pilihan raya. Kemudian AG jalankanlah tetapi AG tak bersetuju.

"AG kata tarikh awal mahkamah ialah 4 haribulan dan 5 haribulan adalah akhir beliau. Jadi beliau jalankan tanggungjawab. Dia tak mahu lepaskan tanggungjawab yang dia uruskan kepada yang lain. Saya tak boleh halang dan saya baca kenyataan sebahagiannya benar, sebahagiannya lahirkan rasa kesangsian dan minta penjelasan lanjut," katanya.

Idrus Harun menamatkan perkhidmatan sebagai Peguam Negara secara lantikan kontrak pada 5 September lalu dan digantikan dengan Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh yang se-



Anwar ketika ditemui selepas solat Jumaat di Masjid Jamek Seri Petaling, semalam. (Foto BERNAMA)

belum ini Peguam Cara Negara.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak menuding untuk menyalahkan rakyat yang sebenarnya ingin penjelasan lanjut mengenai keputusan terbabit.

"Tapi kalau kita baca 11 perkara yang dibentangkan di hadapan hakim dan hakim berpuas hati. Orang kata salahkan hakim atau nak bebaskan hakim, tak ada. Itu proses begitu rupa. Itu saja yang saya boleh sebut dalam kes ini.

"Saya tak fikir ini adil untuk jatuhkan hukuman kerana suka atau tak suka terhadap orang politik. Semua kes berbeza. Tapi banyak kes yang terlepas sama ada sebelum perbicaraan atau selepas perbicaraan. Tapi bersabar dan baca.

"Jangan dengar tohmahan orang politik ini. Kadang-kadang dia ini ikut sedap kata saja. Jadi saya syorkan baca ketetapan daripada AG di hadapan hakim dan mengapa hakim kemudian bersetuju dengan usul. Ada yang mengatakan hakim tak ada pilihan.

Itu tak benar," katanya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun badan kehakiman tertakluk kepada kertas pendakwaan, ia masih ada budi bicara.

Apa yang diperkatakan itu, kata Anwar bukan untuk membawa pandangan sebagai seakan Peguam Negara tetapi untuk menafikan kerajaan pimpinannya sudah meninggalkan prinsip reformasi.

"Saya bukan bawa pandangan sebagai AG dan saya juga elak. Sebab tohmahan satu pihak ini kerajaan Anwar sudah tinggalkan reformasi, ini tak betul.

"Seperti mana yang saya sebutkan berulang kali, boleh semak AG dulu dan sekarang, boleh semak Ketua Hakim Negara dalam kes apa yang saya campur (tangan)? Tapi bila kena tokoh tertentu, dia jadi isu (pula).

"Rakyat umumnya berhak ambil tahu dan jawabannya, perlu membaca kenyataan sepenuhnya. Tetapi janganlah fitnah. Janganlah kata ini arahan Perdana Menteri dan sebagainya," katanya.